

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022

SEJARAH

Kertas 1

September

1 jam

1249/1

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

SPM 2022 (SEPTEMBER)

Kertas peperiksaan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.  
(Nota penerbit: Bilangan halaman dalam buku ini telah diubah suai)

⌈⌋ lihat halaman sebelah

- 1 Peribahasa berikut merujuk kepada hubungan rakyat dengan pemerintah.

Kerja raja dijunjung, kerja sendiri dikelek

Apakah perkaitan peribahasa tersebut dengan tanggungjawab rakyat terhadap pemerintah?

- A Dedikasi
- B Ketaatan
- C Tolak ansur
- D Kebanggaan

- 2 Empayar Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 meliputi Tanah Melayu dan Pantai Timur Sumatera.

Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka meluaskan wilayah pengaruhnya?

- I Menaungi kerajaan lain
- II Melalui penaklukan
- III Menyatukan rakyat
- IV Menetapkan sempadan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan Isu Kasut di Burma.

Orang Inggeris memakai kasut semasa memasuki kuil Buddha di Burma.

Apakah kesan isu tersebut?

- A Membangkitkan semangat nasionalisme
- B Mengukuhkan pengaruh penjajah
- C Meningkatkan kuasa bangsawan
- D Mencetuskan pembaharuan adat

- 4 Jerman telah melanggar syarat-syarat Perjanjian Versailles yang ditandatangani pada tahun 1919. Bagaimanakah negara tersebut melanggar syarat-syarat perjanjian tersebut?

- A Memperkuat angkatan tentera
- B Menamatkan hubungan diplomatik
- C Mengeksport senjata ke luar negara
- D Menjalinkan kerjasama dengan komunis

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan perjuangan pertubuhan Melayu pada tahun 1930-an.

Pertubuhan	Strategi Perjuangan
Kesatuan Melayu Muda (KMM)	Bekerjasama dengan Jepun

Mengapakah KMM melaksanakan strategi tersebut?

- A Menghalau penjajah asing
- B Menyekat pengaruh komunis
- C Mendapatkan petempatan khas
- D Menghalang kemasukan imigran

- 6 Tokoh berikut memberikan sumbangan penting kepada negara.

- Leftenan Adnan Saidi
- Leftenan Ibrahim Alla Ditta MC

Mengapakah tokoh-tokoh tersebut perlu dihargai oleh generasi muda hari ini?

- A Menjalinkan hubungan dengan negara luar
- B Memajukan sistem ketenteraan negara
- C Memperjuangkan kedaulatan negara
- D Mempertahankan institusi beraja

- 7 *British Military Administration* (BMA) merupakan pentadbiran tentera di Tanah Melayu yang bermula pada 12 September 1945.

Apakah peranan pentadbiran tersebut?

- A Melatih penduduk tempatan
- B Memulihkan kepercayaan rakyat
- C Menghalang kemasukan penjajah
- D Menangani demonstrasi penduduk

- 8 Apakah faktor yang menyebabkan British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Kekuatan perpaduan orang Melayu
- B Menghalang desakan orang dagang
- C Memenuhi tuntutan golongan radikal
- D Kemasukan berterusan kaum imigran

9 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah dimeterai pada 21 Januari 1948 di Kuala Lumpur.

- Apakah kandungan perjanjian tersebut?
- I Konsep Raja Berperlembagaan diwujudkan
  - II Dasar pengagihan kuasa dilaksanakan
  - III Kerakyatan secara jus soli diterima
  - IV Gabenor Jeneral dilantik di setiap negeri
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

10 Tokoh-tokoh berikut telah mencadangkan Perlembagaan Rakyat melalui gabungan PUTERA-AMCJA.



Dr. Burhanuddin al-Helmi



Tan Cheng Lock

- Mengapakah mereka mencadangkan perlembagaan tersebut?
- A Menjamin keselamatan penduduk
  - B Meningkatkan pembangunan ekonomi
  - C Menangguhkan pelaksanaan Malayan Union
  - D Menolak Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948

11 Maklumat berikut berkaitan dengan keganasan Parti Komunis Malaya di Tanah Melayu.

- Menyerang balai polis
- Memusnahkan ladang getah
- Membunuh penduduk tempatan

- Mengapakah Parti Komunis Malaya bertindak demikian?
- A Melemahkan imej kerajaan
  - B Menakutkan golongan imigran
  - C Menghalang kerjasama pemimpin
  - D Melumpuhkan ideologi kapitalisme

12 Apakah peristiwa yang menyebabkan darurat diisytiharkan pada Jun 1948?

- A Pekerja awam diserang
- B Pemusnahan ladang getah
- C Pelbagai kemudahan disabotaj
- D Pembunuhan pengurus ladang

13 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran British di Tanah Melayu.

Tahun	Sistem Pentadbiran
1951	Sistem Ahli

- Apakah kepentingan pengenalan sistem pentadbiran tersebut terhadap pemimpin tempatan?
- A Memperkukuh penguasaan politik
  - B Berkuasa menggubal perlembagaan
  - C Berhak mengawal kewangan negara
  - D Melatih kemahiran mentadbir kerajaan

14 Apakah kesan dasar pentadbiran British terhadap bidang pendidikan di negara kita?

- A Mewujudkan sekolah vernakular
- B Memperkasakan sekolah antarabangsa
- C Memantapkan kurikulum persekolahan
- D Melaksanakan pembelajaran bahasa asing

15 Maklumat berikut berkaitan dengan pilihan raya peringkat negeri yang diadakan di Tanah Melayu.

Tahun	Pilihan Raya
1954	Perikatan UMNO-MCA memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi negeri.

- Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan maklumat tersebut?
- A Menekankan konsep persamaan taraf
  - B Memantapkan pentadbiran kerajaan tempatan
  - C Melindungi kepentingan ekonomi antara kaum
  - D Membuktikan kerjasama kaum diterima


SPM 2022 (SEPTEMBER)

16 Maklumat berikut berkaitan dengan keputusan Pilihan Raya 1955.

Parti yang bertanding	Kerusi yang ditandingi	Kerusi yang dimenangi
Parti Perikatan	52	51

Apakah nilai yang dapat dikaitkan dengan keputusan tersebut?

- A Berdikari  
 B Keberanian  
 C Kesungguhan  
 D Permuafakatan
- 17 Garis masa berikut menunjukkan perjalanan rombongan kemerdekaan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman.



Mengapakah Tunku Abdul Rahman melakukan perjalanan sedemikian?

- A Menerima arahan British  
 B Menyusun strategi perundingan  
 C Menjimatkan kos pengangkut  
 D Mengikut pertukaran angin monsu
- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah penggubalan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

#### Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

- Menerima memorandum pelbagai pihak
- Penghasilan draf perlembagaan
- Reaksi terhadap draf perlembagaan
- Perbincangan dengan kerajaan British

Langkah-langkah tersebut menggambarkan bahawa proses penggubalan perlembagaan menekankan nilai

- A kerajinan  
 B keberanian  
 C keterbukaan  
 D kasih sayang

- 19 Gambar berikut menunjukkan Tunku Abdul Rahman diarak di Padang Banda Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956.



Mengapakah peristiwa tersebut penting kepada masyarakat di Tanah Melayu?

- A Kunjungan pemimpin negara  
 B Kempen pilihan raya perbandaran  
 C Pengisytiharan tarikh kemerdekaan  
 D Pembentukan Persekutuan Malaysia

20 Jawatankuasa berikut ditubuhkan sebagai persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan Tanah Melayu.

- Jawatankuasa Persediaan Fizikal
- Jawatankuasa Sambutan

Mengapakah persediaan sambutan kemerdekaan tersebut penting?


- A Menonjolkan identiti negara
- B Mematuhi prinsip kenegaraan
- C Mempertahankan warisan bangsa
- D Mendukung perlembagaan negara

21 Kedaulatan tradisional merujuk kepada raja berkuasa mutlak yang mempunyai kuasa tertinggi.

Bagaimanakah kedaulatan raja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka diperkukuh?

- A Kesahan Dewan Negara
- B Penghayatan Rukun Negara
- C Taat setia golongan diperintah
- D Perkahwinan dengan rakyat jelata

22 Rajah berikut berkaitan dengan ciri negara berdaulat.



Apakah X?

- A Keagamaan
- B Perundangan
- C Warisan budaya
- D Hubungan diplomatik

23 Apakah perkara yang menjadi asas kepada kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara menurut Ibnu Khaldun?


- A Angkatan tentera
- B Sifat kemanusiaan
- C Semangat kekitaan
- D Kehidupan harmoni

24 British telah memperkenalkan *Charter of Justice* yang diambil dari England pada tahun 1807.

Mengapakah undang-undang tersebut diperkenalkan di Negeri-negeri Selat?

- A Melindungi penduduk asal
- B Menjamin kekuasaan pembesar
- C Menjaga kepentingan pedagang
- D Memperkukuh pasukan keselamatan

25 Gambar berikut berkaitan dengan mesyuarat Majlis Raja-Raja.



Perkara yang manakah berkaitan dengan fungsi Majlis Raja-Raja dalam mesyuarat tersebut?

- I Melantik Perdana Menteri
  - II Menggubal undang-undang
  - III Memilih Yang di-Pertuan Agong
  - IV Memperkenan pindaan perlembagaan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

26 Gambar berikut menunjukkan suasana Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri.



Mengapakah mesyuarat tersebut dilaksanakan?

- A Melantik ketua kerajaan
- B Mengukuhkan kuasa pemerintah
- C Menyelaraskan pelaksanaan dasar kerajaan
- D Menyeragamkan undang-undang negara

27 Sejak awal abad ke-19, British bercadang untuk menyatukan wilayah penguasaannya di Asia Tenggara.

Mengapakah British bertindak demikian?

- A Menjamin kemasukan imigran
- B Mengurangkan kuasa raja-raja
- C Menghapuskan pengaruh komunis
- D Memudahkan pentadbiran tanah jajahan

28 Peristiwa berikut berlaku pada tahun 1963.

Tentera Indonesia melancarkan serangan terhadap Malaysia melalui Johor, Sarawak dan Sabah.

Mengapakah Indonesia mengambil tindakan tersebut?

- I Berusaha membentuk Melayu Raya
  - II Malaysia mencerooboh perairan Indonesia
  - III Melaksanakan Dasar Konfrontasi dengan Malaysia
  - IV Berpendapat Malaysia mengamalkan neokolonialisme
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

29 Apakah cabaran dalaman yang dihadapi selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963?

- I Perpaduan kaum
  - II Pembangunan ekonomi
  - III Pemerintahan parti politik
  - IV Pemupukan semangat kenegerian
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

Soalan 30 dan 31 berdasarkan maklumat berikut.

Tokoh	Slogan
Lee Kuan Yew	Malaysian Malaysia

30 Mengapakah slogan tersebut diperkenalkan?

- A Menuntut hak sama rata
- B Menuntut tambahan cukai
- C Menolak pasaran bersama
- D Mengagihkan kekayaan ekonomi

31 Apakah kesan slogan tersebut terhadap Persekutuan Malaysia?

- A Penentangan Indonesia
- B Pemisahan Singapura
- C Penyingkiran Brunei
- D Persetujuan Filipina

32 Maklumat berikut merujuk kepada institusi yang ditubuhkan oleh kerajaan.

Tahun	Institusi
1970	Universiti Kebangsaan Malaysia
1956	Dewan Bahasa dan Pustaka

Mengapakah institusi tersebut ditubuhkan?

- A Menambahkan sumber tenaga
- B Meningkatkan kemahiran berfikir
- C Memartabatkan bahasa kebangsaan
- D Menggalakkan kemasukan pelajar asing

33 Antara syor yang dicadangkan dalam Laporan Rahman Talib 1960 ialah pemupukan semangat perpaduan antara kaum.

Apakah langkah yang diambil untuk melaksanakan syor tersebut?

- I Mengadakan kurikulum yang sama
  - II Melancarkan program sekolah berintegrasi
  - III Memperkenalkan aliran vokasional di semua sekolah
  - IV Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

34 Apakah matlamat Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan pada tahun 1971?

- A Menghapuskan pengenalan kaum mengikut kegiatan ekonomi
- B Menghapuskan sekatan dagangan peringkat antarabangsa
- C Meningkatkan perolehan cukai daripada barangan import
- D Meningkatkan kecekapan syarikat berkaitan kerajaan

- 35 Mengapakah zon perindustrian bebas diwujudkan oleh kerajaan?
- A Menggalakkan pembukaan petempatan baharu
  - B Membangunkan prasarana sistem komunikasi
  - C Memajukan industri kecil dan sederhana
  - D Menggalakkan pelaburan modal asing

36 Maklumat berikut berkaitan pendirian Malaysia terhadap dasar Aparteid.

Tahun	Peristiwa
1960	Tunku Abdul Rahman menyuarakan penentangan Dasar Aparteid di Persidangan Ketua Negara Komanwel (CHOGM).

- Mengapakah Malaysia mengambil pendirian tersebut?
- A Menangani masalah kemiskinan
  - B Mendapatkan pengiktirafan dunia
  - C Menjaga kepentingan perdagangan
  - D Memperjuangkan hak persamaan taraf

37 Jadual berikut berkaitan dengan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).

Tahun	1971
Tempat	Kuala Lumpur
Peristiwa	Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN

- Apakah keputusan yang dicapai dalam mesyuarat tersebut?
- A Pembinaan Pusat Serantau untuk Sains dan Matematik (RECSAM)
  - B Penubuhan Pusat Kajian Bahasa Inggeris (RELC)
  - C Pengisytiharan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)
  - D Pembentukan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC)

- 38 Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) telah diumumkan pada tahun 1992 di Singapura. Bagaimanakah AFTA boleh memacu kemajuan ekonomi ASEAN?
- I Penggunaan mata wang tunggal dikuatkuasakan
  - II Kemasukan pelabur dari rantau lain dikawal
  - III Sekatan dagangan dihapuskan
  - IV Pasaran terbuka luas
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

39 Peta berikut menunjukkan kedudukan Kepulauan Spratly di Laut China Selatan.



- Mengapakah Kepulauan Spratly menjadi rebutan?
- I Kesuburan tanah
  - II Keluasan wilayah
  - III Kedudukan strategik
  - IV Kepentingan perdagangan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

SPM 2022 (SEPTEMBER)

- 40** Mengapakah isu pelepasan gas rumah hijau menjadi agenda penting dalam Sidang Kemuncak Bumi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Rio de Janeiro Brazil pada tahun 1992?
- A** Mengaut keuntungan penjualan baja kimia
  - B** Melaksanakan penggunaan senjata biologi
  - C** Mewujudkan suasana persekitaran yang aman
  - D** Mewariskan alam sekitar kepada generasi baharu

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

SULIT

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022

**SEJARAH**


**Kertas 2**  
**September**  
2 jam 30 minit

**1249/2**

SPM 2022 (SEPTEMBER)

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruang yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
4. **Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.**



Kertas peperiksaan ini mengandungi 23 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.  
(Nota penerbit: Bilangan halaman dalam buku ini telah diubah suai)

**Bahagian A**  
[40 markah]  
Jawab **semua** soalan.

1 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri pembentukan negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

- Kerajaan
- Rakyat
- Kedaulatan
- Wilayah Pengaruh
- X
- Y

(a) Apakah X dan Y?

X .....

Y .....

[2 markah]

(b) Jelaskan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Mengapakah sesebuah negara memerlukan sistem pentadbiran yang mantap?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

2 Perang Dunia Pertama telah bermula pada tahun 1914 hingga tahun 1918 dan berlaku dalam kalangan negara-negara di Eropah.

Sumber: *Sejarah Dunia* Jilid II, suntingan W.N. Weech  
DBP, KPM, KL 1981

(a) Nyatakan **dua** buah negara yang terlibat dalam peperangan tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Mengapakah peperangan tersebut berlaku?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1945 adalah untuk menyelamatkan generasi akan datang daripada peperangan.

Sumber: Diubahsuai daripada <https://www.bernama.com>

Bagaimanakah untuk menyelamatkan generasi akan datang daripada peperangan?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

SPM 2022 (SEPTEMBER)

3 (a) Jelaskan maksud daulat.

.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri negara berdaulat.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Antara ancaman yang kita sangat bimbang ialah bagaimana negara menjadi tumpuan kemasukan pelarian seperti Rohingya yang boleh menceroboh masuk sempadan negara.

Sumber: [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my), 12 Julai 2021

Bagaimanakah isu tersebut boleh mengancam kedaulatan negara?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

4 Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 oleh Yang di-Pertuan Agong IV, Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-13.

(a) Nyatakan **dua** prinsip Rukun Negara.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Mengapakah Rukun Negara digubal?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Bagaimanakah sikap rakyat yang menghayati prinsip Rukun Negara?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

**Bahagian B**

[60 markah]

*Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini.***Tulis jawapan anda pada ruang yang disediakan di halaman 35 hingga 38.**

- 5 Pengenalan Malayan Union amat mencemaskan fikiran dan perasaan orang Melayu mengenai masa depan mereka.

Sumber: *Utusan Melayu*, 12 Oktober 1945

- (a) Mengapakah orang Melayu berperasaan demikian? [6 markah]
- (b) Bagaimanakah orang Melayu menentang Malayan Union? [6 markah]
- (c) Huraikan iktibar yang boleh diambil daripada tindakan British melaksanakan Malayan Union di Tanah Melayu. [8 markah]

- 6 Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 merupakan asas pembentukan sistem pendidikan kebangsaan.

- (a) Apakah matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan? [4 markah]
- (b) Berikut adalah cadangan tambahan kepada Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.

- Penekanan kepada mata pelajaran Sejarah
- Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat

Pada pendapat anda, bagaimana perkara tersebut dapat mencapai matlamat di 6(a)? [8 markah]

- (c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan pendidikan kepada semua warganegara tanpa mengira latar belakang bagi mengelakkan masalah keciciran dalam kalangan murid di Malaysia. Kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk menyediakan pendidikan percuma dan berkualiti dalam semua bidang dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif. Pendidikan yang berkualiti adalah penting kerana sektor pendidikan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Pendidikan adalah pendorong di balik pertumbuhan sumber daya manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Sistem pendidikan mestilah memenuhi keperluan industri dan ekonomi serta mampu menjana modal insan yang inovatif, produktif dan berkemahiran.

Sumber: Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

e-ISSN : 2504-8562)2022, Volume 7, Issue 2

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut serta kesannya terhadap negara sekiranya inisiatif (daya usaha) kerajaan berjaya. [8 markah]

7 Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen di negara ini unik.

Sumber : <https://www.astroawani.com/berita-malaysia>, 21 Januari 2022

- (a) Jelaskan apa yang anda faham dengan sistem Raja Berperlembagaan. [4 markah]
- (b) Mengapakah Demokrasi Berparlimen yang diamalkan di Malaysia unik? [8 markah]
- (c) Bagaimanakah sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen dapat memberi kebaikan kepada rakyat? [8 markah]

- 8 (a) Mengapakah Persekutuan Malaysia dibentuk? [6 markah]
- (b) Bagaimanakah reaksi Indonesia terhadap pembentukan Malaysia? [6 markah]
- (c) Petikan berikut berkaitan dengan idea pembentukan Malaysia.

Melayu Raya, sebuah perjuangan yang berkehendakkan kesatuan pemikiran untuk bersatu dan mengembalikan keutuhan rumpun Melayu di Nusantara.

Melalui gerakan ini mereka berusaha menyatukan kembali rumpun bangsa Melayu seperti sebelum era penjajahan. Tanah Melayu hanya akan menjadi kuat dan mantap melalui kesatuan bangsa Melayu di Kepulauan Melayu yang lebih dikenali dengan panggilan Melayu Raya.

Perpecahan dan penggugatan perpaduan bangsa Melayu berjaya dilaksanakan dengan kedatangan para imperialis Barat. Sempadan- sempadan koloni yang ditetapkan oleh penjajah menyekat perhubungan di antara Melayu Raya sehingga menjadi renggang.

Perasaan kenegerian itu makin kuat dan pertalian persaudaraan beransur-ansur renggang.

Sumber: Diubahsuai daripada Burhanuddin Al-Helmy, Falsafah Kebangsaan Melayu, Pustaka Semenanjung, Bukit Mertajam, 1954.

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut.

[8 markah]

9 (a) Bagaimanakah perkara berikut dapat memastikan Malaysia menuju masa hadapan yang cemerlang?

- (i) Keselamatan Makanan [4 markah]
- (ii) Alam sekitar [4 markah]
- (iii) Hak Asasi Manusia dan Pendatang Asing Tanpa Izin [4 markah]

(b) 10 negara anggota ASEAN, komited untuk mengekalkan Asia Tenggara bebas daripada senjata nuklear dan memastikan penggunaan tenaga nuklear hanya bagi tujuan keamanan negara.

Sumber: *Berita Harian Online*, Selasa, 8 Mac 2022

Beri pandangan anda terhadap pernyataan tersebut.

[8 markah]







